



## **Pengurusan Program Dakwah dalam kalangan Pentadbir Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Johor**

ARBAENAH MASUD and ABD HADI BORHAM  
*Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan MALAYSIA  
Email: arbaenahm@gmail.com | Tel: +60127861204

Received: July 14, 2023

Accepted: July 26, 2023

Online Published: Sept 01, 2023

### **Abstrak**

Pengurusan program dakwah di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) masih tidak seragam dan berbeza pendekatan program antara satu sama lain. Ini menimbulkan kekeliruan kepada pelajar dan masyarakat. Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengurusan program dakwah oleh pentadbir SABK. Kajian juga ingin mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh pentadbir dalam mengurus program dakwah. Akhirnya kajian ingin mengenal pasti peranan yang sepatutnya dimainkan oleh pentadbir dalam mengurus program dakwah di SABK. Data yang diperolehi diolah menggunakan kaedah Kualitatif. Data melalui hasil temu bual secara mendalam dan melibatkan enam orang pentadbir dari beberapa buah sekolah menengah SABK terpilih di Negeri Johor. Mereka terdiri daripada pengetua, penolong kanan pentadbiran, penolong kanan hal ehwal murid dan guru kanan mata pelajaran. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati pentadbir sekolah SABK mempunyai kefahaman yang baik dalam mengurus program dakwah dan memainkan peranan penting dalam merancang dan membuat keputusan terutama pemilihan program dakwah di sekolah masing-masing. Pentadbir juga menguruskan program dakwah sepatutnya seperti program anjuran Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan program dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) mengikut rutin dan pengalaman semasa sekolah itu berstatus Sekolah Agama Rakyat (SAR), namun masih tiada keseimbangan dalam aspek pengurusan bahan dakwah. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa pentadbir SABK melaksanakan dan mengurus keperluan program dakwah. Sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh pentadbir SABK memberi impak dalam menentukan kejayaan pengurusan program dakwah. Mereka bukan sahaja mempunyai pengaruh menerapkan budaya dakwah malah mempunyai kredibiliti dalam menentukan corak program dakwah yang terbaik untuk sekolah. Justru selaku individu penting dalam pengurusan dakwah di sekolah, mereka perlu diberi latihan memperkasa peranan dalam meningkatkan kualiti pengurusan program dakwah di sekolah-sekolah menengah SABK khususnya.

**Kata kunci:** Peranan, Pentadbir SABK, Pengurusan Program Dakwah.

## **Dakwah Program Management among Administrators of Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) in The State of Johor**

### **Abstract**

Dakwah program management Among Administrators of Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) in the State of Johor Still not uniform and program approach differ from one SABK to another. This creates confusions for students and the community. This study aims to identify dakwah management by administrators in the implementation of dakwah program at SABK. The study also wants to identify the role played by administrator in managing the dakwah program at SABK. Finally, the study wants to identify the role that principals should play in managing the dakwah program at SABK. Data using qualitative method. Research data was collected through in-depth interview involving six administrators from several selected SABK secondary schools in the state of Johor. They consist of principals, senior administrative assistants, senior student affairs assistants, senior subject teachers. This study uses a purposive sampling method. The results of the study found that SABK school administrators have a good understanding of managing dakwah programs and play an important role in planning and making decisions, especially the selection of dakwah programs in their respective schools. The administrators also manages the dakwah program as it should be, such as program organized by the Bahagian Pendidikan Islam (BPI) and the program from the Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) according to the routine and experience during the school's status as Sekolah Agama Rakyat (SAR), but there still no balance in the important aspects of dakwah management. The conclusion of the study shows that the



administrators manages the needs of the dakwah programs. The contribution and role played by SABK administrators has an impact in determining the success of the program dakwah management. They not only have the influence of applying dakwah culture but also have credibility in determining the best dakwah program pattern for the schools. Precisely as an important individual in the management dakwah in future, they need to be given training to strengthen their role in improving the quality of management of dakwah in SABK particular.

**Key words:** SABK Administrator's, Role, Dakwah Programs.

## 1. Pengenalan

Penubuhan SABK pada tahun 2012 turut melahirkan ramai individu berkemampuan di bidang agama dan akademik. Pelaksanaan program dakwah di SABK menjadi asas penting bagi membina insan yang mampan dari aspek ketahanan mental dan rohani. Pelaksanaan program dakwah SABK berperanan dan berfungsi seperti kilang menghasilkan daie pelapis masa hadapan. Oleh itu SABK memastikan pembangunan sahsiah ada dalam setiap program dakwah yang dijalankan. Program dakwah di SABK turut menyumbang kepada kesejahteraan hidup terutama para pelajar, dengan mengamalkan amar makruf dan nahi munkar. Seperti maksud ayat

*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.”* (Surah Ali Imran, Ayat 110)

Ayat di atas menjelaskan bahawa manusia memikul tanggung jawab dakwah melalui amalan *amar makruf* dan *nahi munkar*. Berdakwah bukanlah semata-mata tugas Rasulullah SAW, bahkan semua terlibat dalam memastikan amanah dakwah daripada Rasulullah SAW dapat diteruskan. Sebagaimana maksud hadis:

*“Sampaikanlah kalian daripadaku walaupun sepotong ayat”* (Sahih al-Bukhari No 3461)

SABK membawa perubahan lanskap dakwah di sekolah agama seluruh Malaysia. Peralihan dari Sekolah Agama Rakyat (SAR) kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) menunjukkan tanda untuk bersaing secara positif dalam pelbagai bidang dengan sekolah aliran perdana yang lain. Selain itu komitmen guru-guru SABK juga baik dan sangat membantu merealisasikan kecemerlangan dalam pendidikan. Iklim *dini* sangat membantu SABK muncul sebagai pelapis kepada pewaris pendakwah melalui pelaksanaan dakwah yang diamalkan di sekolah tersebut. Mohamad Adnan (2016). Disamping itu pula pengetua di SABK merupakan pentadbir dan pendokong dakwah yang paling utama. Peranan pengetua yang berkesan sangat penting dalam sesebuah sekolah. Beliau membawa hala tuju sekolah melalui visi dan misinya (Kamarul Azmi 2010).

Peranan Pentadbir dan pengetua memastikan program dakwah diurus dengan baik. Mereka berperanan dalam memimpin dan perlu berusaha gigih bagi memastikan objektif dakwah yang disasarkan berjaya dicapai. Kedudukan pengetua sebagai teraju sekolah pula adalah harapan utama untuk mentadbir dan mengurus program dakwah yang dilaksanakan. Sebagai pentadbir, pengetua seharusnya memiliki asas-asas dan pengetahuan terbaik dalam dakwah agar pengurusan dakwah dapat dijalankan dengan cekap, sistematis dan mempunyai wawasan jauh dalam merancang terhadap kemajuan ummah dan melaksanakan tiga tugas dakwah sebagaimana ayat 110 Ali-Imran. Bahawa mereka yang melaksanakan tugas dakwah perlu melaksanakan proses *amar makruf*, mengamalkan *nahi munkar* seterusnya yakin dan beriman kepada Allah SWT dengan sebaik-baiknya. Demi mencapai hasrat tersebut kajian ingin memberi fokus pengurusan dakwah yang menjadi tanggung jawab pentadbir disamping peranan mereka dalam menjayakan program dakwah di sekolah masing-masing. Akhir sekali kajian ingin mengenalpasti pengurusan program dakwah sebenar yang patut dilakukan oleh pentadbir di sekolah menengah SABK.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif melalui analisis data temu bual pentadbir-pentadbir SABK dari daerah terpilih. Mereka terdiri dari; pengetua, Guru penolong kanan pentadbiran (PK 1), guru penolong kanan hal ehwal murid (HEM) dan guru kanan matapelajaran (GKMP). Seramai enam orang pentadbir dari SABK terpilih ditemu bual menggunakan item soalan temu bual yang telah mendapat pengesahan pakar. Melalui data temu bual, pengkaji menganalisis dapatan dari jawapan pentadbir tentang pengurusan dakwah yang dilaksanakan di sekolah. Kajian juga melihat peranan pengetua selaku teraju sekolah terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan di sekolah masing-masing. Analisis dilakukan dari maklum balas jawapan temu bual tentang pengurusan dakwah sebenar yang dilaksanakan. Kajian ini menghuraikan pandangan pentadbir melalui soalan-soalan temu bual yang diajukan. Kajian juga



menggunakan kaedah kluster mengikut zon, dimana sampel merupakan populasi seramai 60 orang pentadbir seluruh Negeri Johor. Pemilihan sampel adalah berdasarkan ciri-ciri sampel yang memiliki pengalaman yang sangat membantu kajian. Ini disebabkan sampel terdiri dari individu samada terlibat secara langsung dengan program dakwah atau penglibatan secara tidak langsung. Mereka dibahagikan kepada tiga zon iaitu zon utara yang diwakili SABK dari daerah Segamat. Zon Tengah pula diwakili oleh daerah Keluang dan akhir sekali Zon Selatan ialah daerah Kota Tinggi dan Johor Bahru. Dari segi jantina terdapat empat orang pentadbir lelaki. Manakala bakinya dua orang pentadbir perempuan. Sampel kajian kualitatif memerlukan saiz sampel yang kecil. Saiz sampel bergantung kepada jenis kajian. Satu hingga tiga orang sampel sudah memadai. Kecuali pengkaji memerlukan kumpulan yang agak besar. Ini memerlukan pengkaji menambah saiz sampel hingga enam orang. Semua ini bertujuan untuk mendapat maklumat yang mendalam lagi berfokus. (Ghazali 2018). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis tematik. Berdasarkan hasil temu bual pengkaji membina transkrip dan membina idea utama dan mengumpul tema-tema dari jawapan yang diberikan. Perhubungan antara tema-tema yang diperolehi dari data membantu pengkaji untuk memahami perkara yang dikaji dengan teliti (Chua 2012).

### 3. Dapatan Kajian

Hasil dari analisis temu bual mendapati, pengurusan program dakwah dalam kalangan pentadbir SABK negeri Johor boleh di simpulkan kepada empat perkara utama iaitu;

#### 1. Pengurusan Program Dakwah Menurut Fahaman Pentadbir SABK

Analisis data temu bual menyaksikan semua pentadbir dari SABK faham konsep mengurus dakwah yang dimaksudkan samada secara umum maupun khusus iaitu dalam konteks sekolah. Penggunaan istilah mengajak adalah bertepatan dengan konsep pengurusan dakwah sebenar. Jawapan lebih menarik apabila mereka mampu menghuraikan pengurusan dakwah meliputi golongan islam dan bukan islam. Selain itu mereka kaitkan secara menyeluruh bahawa mengurus dakwah dilakukan secara meluas, iaitu mengurus hidup sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Pengurusan dakwah menurut fahaman pentadbir merujuk kepada pandangan ulama-ulama dakwah yang mengatakan bahawa dakwah merupakan teknik menarik manusia kepada ajaran Islam samada secara teori atau secara praktikal. Dapatan disokong dengan pandangan Ibn Taimiah: Dakwah kepada Allah ialah menyeru manusia agar beriman dengan Allah SWT serta beriman dengan apa yang telah dibawa oleh para RasulNya dengan membenarkan apa yang telah diberitakan oleh mereka dan taat perintah mereka.

Dapatan disokong dengan pandangan Al Syaikh Abul Ala' Al Maududi, bahawa kefahaman dakwah merupakan panggilan Ilahi mengajak manusia memiliki nilai-nilai suci dan agong. Dakwah adalah menghidupkan manusia iaitu menghidupkan pancaindera, daya pemerhatian, daya rasa, daya ciptanya, menghidupkan *dhamir* hati Nurani dan *bashirah*. Menghidupkan manusia yang seimbang dari aspek ilmu, iman dan amal, ibadah, ikhtiar serta doa. Oleh itu definisi pengurusan dakwah boleh disimpulkan bahawa ialah usaha menyeru manusia supaya taat dan beriman kepada Allah dan Rasul. Mengurus dakwah bermaksud mengajak manusia mengamalkan nilai-nilai yang dibawa oleh islam bagi menghidup dan menyeimbangkan manusia. Ia merupakan usaha mengingati fitrah manusia dan seruan pembebasan manusia dari *ilah-ilah* palsu. Usaha-usaha pembaikan dan pembangunan masyarakat yang berkesinambungan (Abd Aziz 2004).

#### 2. Peranan Yang Dimainkan Oleh Pentadbir Dalam Aspek Perancangan dan Pengurusan Program Dakwah Di SABK

Analisis temu bual mendapati peranan yang dimainkan oleh pentadbir SABK di tahap sederhana. Ini dirakam dari perbualan mereka. Ia termasuk membuat perancangan program dakwah. Analisis mendapati bahawa peranan mereka adalah mengikut rutin seperti tahun-tahun sebelumnya. Data juga menemui bahawa tiada peranan luar biasa yang ditambahbaik. Pengurusan perancangan program dakwah oleh pentadbir lebih kepada amalan kebiasaan seperti tahun sebelumnya, tidak mengalami banyak perubahan dan perancangan adalah mengikut keperluan dan bukan menjadi budaya atau penghayatan. Seperti kata mereka,

“...kami urus program dakwah ikut perancangan dan ikut laporan tahun lepas, kita tukar yang lain kalau tahun lepas tak boleh jalankan...” (R1)

Peranan mereka juga hanya merancang program dakwah dengan merujuk kemampuan dan kekuatan organisasi yang ada. Jelasnya membataskan peranan yang dimainkan oleh mereka kerana kurang inisiatif untuk kemajuan mengurus program di sekolah masing-masing. Peranan mereka lebih berdasarkan kemampuan sahaja,



*“selalu ikut kemampuan, pernah rancang tapi tak sempat buat, jadi ikut keperluan je” (R2)*

Analisis data menunjukkan ada juga sekolah yang mengurus program dakwah ikut perancangan dan tersusun, namun ada yang tidak merancang program dakwah kerana pengalaman program dakwah tahun sebelumnya melihat ada perancangan yang dibuat tapi tidak dapat dilaksanakan. Analisis merumuskan hampir semua SABK merancang pengurusan program dakwah ikut keperluan sahaja dan program dakwah tidak dibudayakan. Mengurus pelaksanaan program dakwah secara bermusim atau ikut keperluan sahaja memberi kesan kurang positif. Apabila dakwah tidak boleh dijadikan budaya, maka penghayatan islam makin berkurangan di sekolah. Akibatnya pelajar leka dan mudah terpengaruh unsur negatif yang lebih memikat jiwa muda mereka. Masa lapang yang banyak terluang akan mendorong mereka melakukan aktiviti tidak berfaedah dan semakin menjauhkan mereka dari penghayatan islam sebenar. Dari aspek pengurusan pemantauan, analisis data menunjukkan semua responden bersetuju program dakwah dipantau. Ia merupakan peranan yang menjadi kebiasaan pada pentadbir. Namun pemantauan yang dilakukan ada pelbagai. Ada yang menepati *spek* pemantauan. Ada yang tidak menepati hanya membuat pemantauan sambil lalu sahaja dan tidak berfokus. Ini dapat dilihat dari jawapan berikut;

*“Ada buat pemantauan tapi cara rambang aje, tak ditil sangat, kadang-kadang melalui perbualan pun boleh buat pemantauan.” (R6)*

Jawapan diberikan boleh menggambarkan peranan yang kurang mendalam kerana memantau perjalanan program merupakan tanggung jawab pentadbir dan perlu dilaksanakan bersungguh-sungguh. Apa yang pasti mereka mengurus pemantauan dengan cara yang sangat longgar, tiada *spesifikasi* tertentu, tiada borang, dan boleh dikatakan ramai pentadbir tidak pasti bagaimana pemantauan harus dijalankan. Menyebabkan pemantauan kurang fokus dan tidak selaras antara satu SABK dengan lainnya. Menggambarkan bahawa tidak jelas bagi mereka peranan mereka sebagai pengurus program dakwah dan mereka tidak pasti tujuan pemantauan dan mereka tidak dapat mengambil faedah dari pelaksanaan pemantauan program-program dakwah yang dijalankan. Namun ada juga segelintir pentadbir yang membuat pemantauan dengan meletakkan tanggung jawab memantau kepada guru Hal Ehwal murid. Ada juga yang menjadikan pemantauan di bawah tanggung jawab penyelia program dakwah. Ada penyelia dakwah melantik pelajar untuk tugas pemantauan. Pelajar akan mengedar borang selepas program dan dikumpul lalu diserahkan kepada penyelar program. Ini satu usaha yang dilihat berjaya, dengan syarat analisis pemantauan dibuat dan maklum balas di rekod untuk penambahbaikan program di masa akan datang.

### **3.Peranan Pentadbir Dari Aspek Kewangan dan Motivasi Guru Dalam mengurus Program Dakwah**

Analisis temu bual menunjukkan pentadbir memainkan peranan penting dalam memberi sokongan dan motivasi kepada guru-guru. Pentadbir menunjukkan minat serta terlibat sama di dalam penyediaan bahan program dakwah. Pentadbir memberi sokongan motivasi program dakwah terutama mengurus media baharu dan penggunaan teknologi moden. Pendekatan dakwah menggunakan teknologi moden amat bersesuaian dengan remaja sekolah kini yang sangat berminat dengan penggunaan teknologi. Kesempatan ini dimanfaatkan dengan bijak oleh pentadbir-pentadbir SABK demi menambat hati mereka kearah program dakwah sekolah masing-masing. Hasil temu bual juga menggambarkan bahawa pentadbir SABK tidak ketinggalan di bidang informatian teknologi (IT). Mereka mampu melaksanakan program-program dakwah melalui media sosial seperti whats apps, telegram, tik tok, you tube dan lain-lain. Penglibatan aktif pentadbir dalam penggunaan IT telah menambah kerancakan dalam arena dakwah SABK. Justru medium moden dijadikan kesempatan untuk berdakwah. Mereka lakukan dengan cara yang berbeza tetapi amat berkesan. Proses dakwah itu berlaku dengan adanya tenaga pendakwah. Samada mereka bertemu golongan sasaran secara langsung atau melalui kumpulan sokongan seperti penyelia peralatan, penerbit rancangan, penganjur program dan sebagainya. Oleh itu penyediaan untuk program dakwah perlu mengambil kira bidang tugas yang akan dilakukan oleh pendakwah. Dalam apa juga kedudukan pun pendakwah haruslah mempunyai ilmu dan kemahiran dalam peranan mereka. Rogayah Tibek (2011).

Menurut Syed Othman (1977). Pengurusan dakwah sepatutnya merupakan suatu proses dapat mencantumkan sumber-sumber kewangan, modal tenaga manusia dan sebagainya untuk mencapai matlamat organisasi sama ada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan. Jelas membuktikan pengurusan merupakan peranan penting yang perlu dimainkan oleh pentadbir bagi menjadikan program dakwah berjaya. Oleh itu program dakwah sangat memerlukan pelbagai sokongan termasuk kewangan untuk bertumbuh maju samada material dan fizikal. Sumber kewangan dan sumber manusia merupakan dua aspek penting yang bergerak serentak untuk memastikan kelestarian dakwah berlaku lebih-lebih lagi di sekolah. Dari aspek kewangan dapatan temu bual menyaksikan bahawa keperluannya amat mendesak namun sokongan dari pentadbir dan komuniti untuk kewangan masih tidak mencukupi.



#### 4. Analisis Pengurusan Program Dakwah Sebenar yang Patut dilaksanakan Oleh Pentadbir SABK.

Merujuk kepada program sepatutnya dalam dakwah, bahawa program dakwah perlu keseimbangan iaitu aspek akidah, ibadah dan akhlak. Ternyata pentadbir SABK kurang memberi fokus program dakwah sepatutnya, iaitu keseimbangan di dalam melaksanakan program dakwah. Oleh itu dapatan analisis data ini perlu dikaji mengapa pengurusan dan pentadbiran dakwah di sekolah tidak mengutamakan aspek akidah di dalam program dakwah mereka. Kajian seperti ini perlu supaya pelaksanaan program dakwah kembali kepada matlamatnya, seperti terkandung dalam ayat 110 surah Ali Imran yang bermaksud,

*“kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah”*(Surah Ali Imran Ayat -110)

Itulah tiga sebenar patut disisipkan di dalam setiap program dakwah iaitu amar makruf, nahi munkar dan paling perlu mendorong beriman kepada Allah SWT (Akidah). Oleh itu aspek perlu iaitu program dakwah akidah tidak wajar dikesampingkan. Menurut tokoh-tokoh pengurusan islam bahawa pengurusan dalam islam merupakan satu proses penting bagi mengendalikan manusia, organisasi dan matlamat pengurusan Islam yang hendak dicapai berlandaskan al-Quran dan al-Hadis. Pengurusan islam juga merangkumi peranan tauhid sebagai asas pengurusan. (Syed Othman 1977) . Justru pengurusan program dakwah tidak terkecuali dan perlu berlandaskan kepada aspek seperti Quran, hadis dan tauhid. Menurut Hendon (2014). Bahawa matlamat program dakwah boleh dicapai dengan mengeluarkan segala usaha dalam pelbagai bentuk dan berbilang banyaknya untuk menyampaikannya kepada seluruh manusia tentang agama Allah SWT. Mauduk dakwahnya perlu mengandungi gabungan yang seimbang antara komponen utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Namun apa yang terjadi, pentadbir selaku pengurus program dakwah di SABK kurang menitik beratkan bagi mengurus kesemua aspek tersebut secara seimbang. Antara tiga aspek tersebut, aspek akidah merupakan konten dakwah yang paling kurang diurus. Ini dibuktikan dari temu bual berikut;

*“kalau saya, mauduk dakwah yang paling pelajar sekolah ni suka ialah mauduk ibadah lah”* (R1)

*“Topik yang pelajar suka topik yang ada kaitan fardu ain”* (R5)

Data analisis menunjukkan hampir semua SABK tidak mengurus program akidah sebagai konten dakwah utama mereka. Sebaliknya ibadah pula merupakan konten dakwah yang mereka uruskan secara menyeluruh. Ini tentunya bertentangan dengan keperluan pengurusan program dakwah yang sepatutnya berlaku di SABK. Bahawa dakwah akidah sepatutnya menjadi teras kepada semua program agama. Dapatan juga menjelaskan bahawa kecenderungan pelajar SABK lebih kepada program bukan teras seperti ibadah dan lain-lain. Pentadbir berpendapat bahawa semasa program akidah dijalankan pelajar kurang berminat untuk bertanya dan tiada interaksi dua hala. Situasi ini mengundang rasa bosan sewaktu program akidah dilaksanakan. Inilah pengurusan sebenar pengetua iaitu merancang, menyusun dan mengurus bagaimana mencapai matlamat program dakwah yang sebenar termasuk akidah. Dengan ini jelas pelaksanaan program dakwah sebenar yang patut diuruskan oleh pentadbir SABK itu tidak boleh lari dari peranan-peranan diatas. Iaitu program dakwah akidah perlu meliputi fungsi pada pengurusan seperti membuat rancangan, mengorganisasi program dakwah dari awal tahun, mengetuai dan mengawal setiap program dakwah, terutama sumber manusia iaitu guru-guru sebagai sumber pelaksana program dakwah, kurikulum, ko kurikulum yang melibatkan program-program dakwah, aktiviti perkembangan staf dijadikan *platform* melatih pengurus-pengurus dawah samada dari kalangan guru maupun pelajar. Pentadbir mengurus kewangan sebaik-baiknya agar setiap program dakwah ada peruntukan yang diusahakan supaya guru selesa dan gembira menjalankan aktiviti dakwah. Pentadbir perlu menyediakan persekitaran yang *kondusif* untuk program-program dakwah dan bukan bertindak sebagai pengarah semata-mata manakala guru dibiarkan bersendirian menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program dakwah.

#### 5. Kesimpulan

Bagi memperkasa pelaksanaan program dakwah di SABK, pentadbir disaran untuk mengadakan sesi Latihan Dalaman untuk semua warga sekolah terutama penyelia dakwah tentang pengurusan perjalanan program dakwah sekolah. Ia bertujuan melatih guru dakwah. Latihan seperti ini boleh membantu guru dakwah kerana dari latihan mereka dapat panduan untuk mengurus program dakwah secara sistematik. Pentadbir juga perlu melantik lebih dari seorang guru dakwah. Ia memudahkan mereka bertugas kerana ada giliran menjalankan program dakwah, disamping memberi ruang perbincangan jika guru berdepan dengan isu. Pengurusan dakwah tidak dapat dilaksanakan sekiranya guru dakwah hanya seorang. Akibatnya guru perlu melaksanakan semua program dakwah secara bersendirian. Pentadbir juga perlu mengusahakan kewangan samada memperoleh dana untuk program dakwah melalui PIBG atau Ngo lain untuk program dakwah demi mengurus program yang lebih *kosisten*. Pentadbir wajar menggunakan kedudukan dan jawatan di sekolah untuk meraih perhatian dan sokongan semua pihak untuk memberi sokongan secara bersungguh-sungguh



kepada kemajuan program dakwah sekolah. Pengetua selaku pentadbir tertinggi patut menggunakan platform Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (MPSMSABK) sebagai sumber membina modul dakwah yang *efisen* dan boleh digunapakai di seluruh SABK secara selaras. Sedia maklum MPSSM sebelum ini telah berkolaborasi bersama ramai agensi seperti Pejabat Agama, IPG dan lain-lain institusi untuk membina modul pembelajaran untuk peperiksaan awam seperti SPM dan lain-lain. Kolaborasi program dakwah ini boleh dilakukan dengan Kerjasama JPN dan guru cemerlang seluruh negeri bagi menghasilkan modul pengurusan program dakwah SABK yang relevan dan mantap. Mereka boleh bergabung dengan unit dakwah JPN yang sedia ada. Meminjam kepakaran mereka demi kecemerlangan dakwah di SABK seperti yang dilakukan di bidang akademik. Pentadbir perlu turut serta dalam aktiviti menyusun Takwim Dakwah di sekolah yang lebih fleksibel dan tidak bertindan dengan program dakwah PPD, JPN dan BPI. Perbincangan dan perancangan perlu dibuat dengan *fleksibel* dan bijak. Demi menjadikan pengurusan program di SABK lebih *efisen*.

## Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, dengan izinNya jurnal ini berjaya disiapkan. Rasa syukur setinggi-tingginya kepada Allah Subhanahuwataala dan ucapan Selawat dan sejahtera kepada Junjungan Nabi Muhamad Rasul sekalian alam pembawa sinar hidayah dakwah sebenar. Dalam usaha menyiapkan jurnal banyak pengorbanan telah disumbangkan dari insan-insan berhati mulia. Oleh itu penghargaan tertinggi diberikan kepada Dr. Abd Hadi Borham yang banyak memberi motivasi dan kekuatan pengkaji untuk sampai ke matlamat terakhir. Tidak lupa kepada semua pensyarah dari Fakulti Sains Kemanusiaan atas sumbangan langsung atau tidak secara langsung. Penghargaan ini juga ditujukan kepada kumpulan pentadbir dari SABK seluruh negeri Johor atas kerjasama yang mereka berikan. Tidak dilupakan kepada anak-anak penyokong diwaktu sukar, pembakar semangat ketika duka, Amla Hani, Ashmil Alif, Asaad Fakhrie, Aslah Izzu dan Aiham Hiziqa serta almarhum ibu bapa tercinta. Akhir sekali buat insan pencetus semua kejayaan ini almarhum suami Mohd Amin Sono, semoga kasih sayang yang pernah dipinjamkan dibalas oleh Allah dengan sebaik-baik ganjaran.

## Rujukan

- Abd Aziz bin Harjin, UTM Perlis, [blogspot.com/2008/04/konsep-dakwah-dalam-islam.html](http://blogspot.com/2008/04/konsep-dakwah-dalam-islam.html)
- Chua Yan Piaw (2012). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi ke Dua. Terbitan MC Graw Hill Education Kuala Lumpur
- Ghazali (2018). *Metodologi Penyelidikan Pendidikan (Amalan Analisis Kajian)*. Universiti Malaya.
- Hendon Mustafa Sharifie (2014). *Muqadimah fi asalib wa muqawimat al dakwah*. [alalukah.net/sharia/079214.2dec](http://alalukah.net/sharia/079214.2dec) 2014
- Hasan Mohd Ghazali (tt). *Kecemerlangan Sesebuah Sekolah Banyak Bergantung Pada Peranan Pentadbiran Pengetua*. <https://www.academia.edu/5416696/>
- Ibn Taimiyah (2008) *Majmuk Fatawi Shaikhul Islam Ibn Taimiyah m/s 18/163*: Maktabah Waqfiyah, Wizarat Shuun Islamiah Wa Aldakwah Wal Irsyad. Al Saudia.
- Kamarul Azmi Jazmi. AB. Halim Tamuri. Mohd Izham Mohd Hamzah (2010). *Faktor Pentadbir dan Pengetua dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru Pendidikan Islam di Sekoah Menengah : Satu Kajian Kes*, *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 13-20
- Mohamad Adnan Mohamad Kasim. Siti Noor Ismail. Suhaila Mohamad. Hasliza Ibrahim. (2016) *Iklm Sekolah dan Komitmen Guru di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan*. *Proceeding Of ICCERS*(2016) 699-708. ISSN.2548-6160 Muat turun dari <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icercs> UUM.
- Mohamad Nazli Omar (2016). *Teori Dan Konsep Pengurusan Dakwah: Satu Tinjauan Awal*. *Ilmi Journal* Jilid 6 2016: 149-168
- Syekh Ali Mahfudz (2021). *Dakwah Islam*. <http://repository.uinbanten.ac.id/34494/4/BAB%2011%20edit.pdf>
- Syed Dawilah Al Idrus (2009). *Peranan ICT Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi*. UTHM
- Siti Rogayah Tibek (2011) *Profesionlisme Dakwah: Harapan dan Cabaran Al-Hikmah* 2, 2011: 167 – 173
- Syed Othman al-Habshi & Aidit Ghazali (1997). *Pengurusan Dari Perspektif Islam* e-journal UM. <http://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/download/2290/11429/49636>
- Zulkiple b. Abd. Ghani. *Kepentingan Golongan Tekno-Daie*. UM. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/4151/2013/10172>